

Bahasa Pemersatu Bangsa: Ragam Bahasa dalam Komik

HAMIDAH ABDUL WAHAB

Pusat Pengajian Bahasa, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak

awhamidah@cls.unimas.my

Abstrak Bahasa merupakan elemen penting sebagai sarana berfikir dan alat komunikasi. Berdasarkan peranan bahasa dalam konteks perpaduan nasional, kajian ini akan meneliti penerapan elemen tersebut menerusi ragam bahasa komik yang merangkumi unsur humor, kiasan dan seumpamanya yang wujud dalam komik terpilih. Komik diangkat sebagai wacana kajian kerana medium ini amat akrab dengan golongan muda, khususnya kanak-kanak dan remaja. Selain memainkan peranan sebagai wadah komunikasi untuk menyampaikan mesej melalui humor, medium ini dilihat mampu membudayakan konsep 1Malaysia dalam kalangan golongan muda dari peringkat awal lagi. Penelitian ragam bahasa komik dengan penggunaan bahasa yang sesuai dengan sasaran khalayak pembacanya ini akan dikupas untuk melihat mesej yang terkandung di dalamnya.

Kata kunci: 1Malaysia, bahasa, ragam bahasa, perpaduan, komik

Abstract Language is an important element in thinking and communication. In the context of the role of language in national unity, this study will examine the inculcation of this national unity through the language style of comics that encompasses elements of humour and metaphor. Comics are selected for discourse analysis because this medium is popular with the younger generation, particularly children and teenagers. Apart from its role as a medium of communication conveying messages through the use of humour, this medium is also seen as a means of instilling the concept of 1Malaysia in the younger generation. The study of language use in comics will be described to reveal the message therein.

Keywords: 1Malaysia, language, language style, unity, comics

PENDAHULUAN

Malaysia termasyhur dengan keunikan masyarakatnya yang berbilang kaum, merangkumi lebih daripada 26 juta penduduk (Buletin Perangkaan, 2006) yang mengamalkan kepercayaan, agama, budaya dan bahasa yang berbeza. Kestabilan negara ini dapat dibina menerusi jalinan akar toleransi yang kukuh antara rakyat semenjak berabad lamanya. Sungguhpun usaha menyatukan kaum-kaum di negara ini tetap menghadapi langkah yang sukar, ia membuahkkan satu identiti dan nilai kebersamaan dalam diri setiap warganya sehingga lahir perasaan cinta dan bangga tanah air.

Salah satu daripada asas perpaduan kaum ialah melalui penggunaan bahasa yang sama. Seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia menerusi Perkara 152, Bahasa Melayu bukan sahaja berperanan penting sebagai bahasa kebangsaan negara, malah berfungsi sebagai bahasa rasmi, bahasa pengantar, bahasa komunikasi, bahasa perpaduan, dan bahasa ilmu. Dalam konteks penggunaannya yang meluas, bahasa ini berperanan sebagai alat penjalin kerjasama dan persefahaman antara kaum, atas dasar toleransi dan saling menghormati.

Gagasan 1Malaysia yang diilhamkan dan dilaksanakan oleh Perdana Menteri Malaysia keenam juga telah menjadikan Bahasa Melayu sebagai salah satu daripada teras utamanya dan bersesuaian dengan takrifan konsep 1Malaysia, iaitu bahasa sebagai wahana mempersatukan bangsa. Fenomena ini selaras dengan kenyataan A. Aziz (2009), iaitu kepelbagaian kaum di Malaysia memerlukan satu alat pemersatu khusus bagi menyatupadukan mereka, iaitu bahasa. Di Malaysia, selain wujud Bahasa Melayu yang diangkat sebagai bahasa kebangsaan, bahasa etnik tetap dihormati dan diamalkan rakyatnya. Namun dalam urusan-urusan formal dan perhubungan yang melangkaui sempadan etnik, penggunaan Bahasa Melayu adalah satu cara komunikasi yang diamalkan oleh masyarakat, selain Bahasa Inggeris. Signifikan daripada peranan bahasa dalam konteks perpaduan nasional, usaha membudayakan konsep 1Malaysia dalam kalangan anak-anak dan remaja wajar dipandang serius. Dalam pelbagai ranah yang rasmi mahupun tidak rasmi, isu pemersatuan kaum perlu diteliti dan diperkasa agar langkah perpaduan dan penyatuan kaum lebih kental dan menyeluruh. Penggunaan bahasa yang sesuai daripada sudut ragam dan gaya untuk menerapkan konsep 1Malaysia dalam kalangan anak muda adalah perlu agar mesej

yang ingin disampaikan menepati sasaran dan dekat dalam jiwa mereka. Secara tidak langsung, semangat perpaduan dan keharmonian sebuah negara majmuk dapat disemai dalam diri golongan muda dalam erti kata yang lebih luas.

Berlandaskan senario yang telah dijelaskan, kajian ini akan memfokuskan kepada analisis jenis ragam bahasa yang wujud dalam komik-komik terpilih untuk melihat unsur-unsur perpaduan kebangsaan yang cuba disebarkan oleh pengkaryanya. Ragam bahasa dipilih sebagai asas kajian kerana penelitian ini akan melihat penggunaan bahasa yang bermaksud menguatkan tujuan penggunaan kata dalam ragam tersendiri yang mengandungi mesej bersifat kesedaran dan berunsur perpaduan, yakni yang memaparkan rasa dan nilai kesatuan bangsa seperti yang ingin dipraktikkan oleh kerajaan melalui gagasan 1Malaysia. Perkara utama yang perlu jelas dalam kalangan pengguna bahasa ialah kesesuaian pemilihan dan penggunaan bahasa tersebut daripada segi tahap keformalan dalam konteks penggunaannya, iaitu sama ada dalam situasi rasmi atau tidak rasmi. Dalam situasi ini, penggunaan bahasa etnik dan yang berunsur bukan rasmi juga dilihat dapat menunjang keperluan asosiasi komuniti. Analisis ini memanfaatkan wadah komik sebagai asas kajian kerana medium ini dekat dengan jiwa pembaca pada peringkat kanak-kanak, awal remaja dan tidak terkecuali pembaca umum.

RAGAM BAHASA DAN KOMIK

Bahasa ialah hak dan ciptaan manusia, yakni hak dan ciptaan penutur atau masyarakat yang menuturkannya (Nik Safiah, 1992:32). Bentuk atau ragam penggunaan sesuatu bahasa bergantung kepada individu yang menuturkan dan situasi semasa bahasa tersebut digunakan. Pengertian ini menunjukkan bahawa pemilihan dan penggunaan sesuatu ragam bahasa berhubungan rapat dengan penutur, dan bergantung kepada tujuan dan konteks penggunaan bahasa tersebut dalam melahirkan pemikiran, hasrat, emosi dan sebagainya.

Setiap komuniti mempunyai banyak ragam bahasa dan cara-cara berbahasa menurut pelbagai faktor yang menyumbang kepada variasi kebahasaan mereka. Zainal Abidin (2002:211) mendefinisikan ragam bahasa atau disebutnya ragam bahasa sebagai jenis ragam yang khas

bagi bahasa dalam karangan atau percakapan kerana menguatkan tujuan kata dan mempertajamkan hasilnya kepada faham pendengar dan pembaca. Antara jenis ragam yang dimaksudkan termasuklah bahasa sindiran, bahasa menggiat, bahasa ingkar, bahasa berulang dan bahasa bertimbal. Zainal Abidin turut mendefinisikan ragam bahasa jenaka secara khusus, iaitu merujuk kepada bahasa yang bukan bermaksud untuk menguatkan tujuan kata, tetapi merupakan suatu jenis pembahasan yang memakai satu perkataan dengan dua makna kerana maksud jenaka atau bersenda-senda, dan kadang kala ada juga dengan maksud bersungguh-sungguh (2002:220).

Asmah (2008:202–226) pula menyatakan ragam bahasa sebagai hasil penggunaan bahasa dalam sesuatu bidang dan terbentuk daripada laras dan gaya. Laras dimaksudkan sebagai kata, ungkapan dan ayat yang mencirikan sesuatu ragam, manakala gaya merangkumi unsur formal atau tidak formal, mesra atau dingin dan peribadian atau tidak peribadian. Apa-apa sahaja ragam boleh menggunakan humor, iaitu keadaan atau peristiwa yang membangkitkan rasa geli hati dalam kalangan orang yang mendengarnya. Dalam hal ini, komik merupakan satu daripada wadah komunikasi untuk menyampaikan mesej melalui humor dan unsur kiasan memainkan peranan yang besar, di samping penggunaan sinonim dan antonim. Dalam humor, terdapat unsur-unsur tertentu yang dimanfaatkan oleh pengguna bahasa, iaitu permainan kata, permainan bunyi kata, penggunaan dialek, penggunaan pelat bahasa asing, penggunaan kata atau ungkapan asing, cara bercerita, mencarut, penggunaan bahasa kiasan, dan penggunaan pantun jenaka serta puisi.

Komik atau buku mengandungi cerita yang disertai gambar-gambar yang melucukan, lazimnya lebih memaparkan karya kartun berbanding karikatur. Karikatur dan kartun biasanya dianggap sama, namun terdapat sedikit perbezaan antara kedua-duanya. Karikatur didefinisikan sebagai gambar, ajukan suara, perangai dan lain-lain yang menekankan ciri-ciri tertentu untuk berjenaka, sementara kartun merupakan lukisan yang mengisahkan sesuatu; seperti hal sehari-hari, hal politik dan lain-lain dengan cara berjenaka (*Kamus Dewan*, 2007). Justeru, terdapat perbezaan antara karikatur yang menekankan unsur satira, dengan kartun yang menonjolkan unsur humornya. Sungguhpun demikian, elemen yang didukung oleh karikatur atau kartun dalam komik merupakan mesej, jenaka, sindiran dan watak manusia. Sesuai dengan kajian yang

mengangkat medium komik sebagai kajian, kartun berperan sebagai wadah dan sarana penyampaian mesej, dan merupakan entiti utama dalam penerapan unsur-unsur perpaduan dan penyatuan bangsa, melalui ragam bahasa jenaka atau humor.

KAJIAN RAGAM BAHASA

Beberapa kajian melibatkan ragam bahasa, khususnya melibatkan bahasa humor atau jenaka dilakukan dengan pendekatan yang pelbagai. Misalnya, kajian ragam bahasa jenaka yang dilakukan dengan fokus kepada unsur humor dalam kartun. Menerusi kajian Puteri Roslina (2006), medium kartun dinyatakan sebagai seni simbolik dengan kehadiran ragam bahasa sindiran dan kritikan berunsur humor, di samping mempunyai mesej-mesej bersifat sebagai senjata politik, kemasyarakatan, ekonomi, budaya, dan sebagainya. Ditegaskan juga bahawa penggunaan bahasa dalam kartun dan ragam bahasa ini menunjukkan pemikiran dan perwatakan yang ingin dilahirkan oleh kartunis melalui humor. Hal ini dikatakan mampu menyumbang kepada pembangunan minda dalam masyarakat.

Analisis ragam humor turut dijalankan oleh Lim (2006) dengan memfokus kepada aspek bahasanya. Penggunaan bahasa humor diertikan sebagai sesuatu yang boleh menggelikan hati dan terdapat kata-kata tertentu yang apabila digunakan dapat menimbulkan kesan geli hati atau humor. Lim turut meninjau kewujudan humor dalam dua buah kumpulan cerita humor, iaitu *Drama Rumah Tangga* oleh Adi Alhadi dan Kulat, dan *Cinta Ramalan Cuaca* oleh Haikal. Daripada penelitian tersebut diperlihatkan beberapa aspek yang berupaya menimbulkan unsur humor seperti “corak permainan bahasa” yang mudah, segar dan munasabah, penggunaan bahasa kontras atau bertentangan dengan maksud asal, penggunaan bentuk ironi atau paradoks, malahan unsur sadis. Ternyata bahawa unsur humor sebenarnya lahir daripada kemahiran individu yang mahir memanipulasikan bahasa daripada segi bentuk, sebutan, dan susunan kata mengikut konteks komunikasi.

Kajian ragam bahasa humor juga dijalankan oleh Siti Saniah (2008) dengan meneliti gaya bahasa karikatur Nudin. Dalam kajian beliau, gaya bahasa karikatur karya Nudin dalam ruangan “Cuit-cuit,” *Berita Harian* yang menyentuh fenomena kebahasaan semasa merangkumi isu-isu sosial, ekonomi dan politik telah diteliti dan diketengahkan. Kajian beliau

mendedahkan bahawa ungkapan digunakan sebagai penghuraian maksud bagi setiap lukisan karikatur yang dikaji. Selain itu, ditemui unsur sindiran dalam karikatur dan bahasa karikatur merupakan salah satu daripada alat penyampaian mesej yang perlu ditonjolkan. Walaupun karikatur mengandungi mesej yang berat, elemen karikatur mudah mencuit hati dan pemikiran khalayak.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menerapkan kaedah kepustakaan dengan memanfaatkan wacana bertulis berbentuk komik-komik tempatan. Komik yang digunakan diteliti untuk melihat signifikannya dengan konteks kajian yang memfokus kepada kewujudan ragam bahasa, khususnya ragam bahasa yang menunjukkan unsur yang bersifat “Satu Malaysia,” yakni yang memaparkan elemen perpaduan, penyatuan dan seumpamanya dalam kartun dan dialog serta penulisan bahasa humornya. Pemaparan ini penting untuk mengetengahkan fungsi bahasa sebagai alat perkongsian gagasan 1Malaysia.

Kajian ini hanya memanfaatkan dua majalah komik tempatan sebagai sumber data. Majalah-majalah tersebut ialah *UJANG*, terbitan MOY Publications Sdn Bhd dan *UPIN & IPIN* yang diterbitkan oleh NYLA Sdn Bhd. Sebagai wahana penyaluran unsur budaya masyarakat, sama ada menerusi pelukisan objek ataupun dialog bahasa, pemilihan dua jenis komik ini dilihat signifikan dengan penelitian ragam bahasa yang ingin diteliti kerana wujud kelompok pembaca yang berbeza berdasarkan umur, iaitu kanak-kanak dan remaja yang memungkinan wujud perbezaan daripada aspek bahasa yang digunakan. Penelitian ragam bahasa dalam komik bukan sekadar mampu memaparkan bentuk penggunaan bahasa yang wujud dalam komik, malah bersesuaian dengan matlamat kajian ini, iaitu meneliti jenis ragam bahasa komik menerusi teks dan dialog watak-watak pelbagai kaum di dalamnya.

Merujuk kepada kenyataan Zainal Abidin sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, ragam bahasa jenaka merupakan suatu jenis pembahasan yang memakai satu perkataan dengan dua makna kerana maksud jenaka atau bersenda-senda, dan kadang kala ada juga dengan maksud bersungguh-sungguh. Maksud bersungguh-sungguh dalam pernyataan ini turut merujuk kepada ragam bahasa yang bertujuan menguatkan maksud.

Oleh itu, dalam komik yang dikaji, aspek ragam bahasa khusus yang lain juga akan diteliti, misalnya ragam bahasa kiasan, berulang, bertimbal dan lain-lain, seperti dalam pendefinisian ragam oleh Zainal Abidin (2002). Penelitian ini penting kerana melalui penyerlahan jenis ragam bahasa yang wujud dalam komik, pembaca juga akan dihidangkan dengan mesej, nasihat dan pengajaran positif melalui ragam bahasa yang digunakan.

Pemfokusan terhadap ragam bahasa lain selain ragam bahasa jenaka dalam komik dilihat penting kerana tujuan melahirkan sesebuah komik bukan hanya melontar rasa lucu atau humor dan jenaka, tetapi lebih daripada itu, misalnya ragam bahasa kiasan. Menurut Asmah (2008), bahasa kiasan merupakan antara alat yang paling digemari dalam menimbulkan humor atau unsur-unsur kelucuan. Dalam berkias, pengguna bahasa akan membuat perbandingan terhadap sesuatu dan ciri-ciri yang dibandingkan ini berupaya menimbulkan humor.

Dalam konteks kajian ini, ragam bahasa kiasan yang wujud dalam komik akan dilihat kepentingannya daripada aspek perannya, iaitu menasihati atau memberi peringatan kepada masyarakat pembaca. Perkara ini penting kerana penggunaan bahasa yang baik dan disampaikan secara berselindung atau tidak berterus terang mudah difahami pendengar atau pembaca. Selain itu, secara tidak langsung ia berupaya menjaga hati serta air muka pihak yang mendengar atau membacanya. Mesej yang menggunakan unsur bandingan kiasan dapat menguatkan dan mengukuhkan objektif penulisan serta penyampaian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Daripada penelitian dan analisis yang dijalankan, didapati ragam bahasa jenaka dalam komik secara amnya merupakan ragam bahasa bebas dan tidak mementingkan kegramatisan ayat, yang merangkumi aspek sebutan, intonasi, pemilihan perkataan, struktur ayat dan tatabahasa. Dengan perkataan lain, bahasa komik menggunakan bahasa tidak formal dan wujud percampuran bahasa asing dan bahasa basahan, misalnya penggunaan perkataan seperti *cutenya*, *sori*, *smekdaon*, *pikir*, *mau*, *syok*, *awek* dan *bro*. Senario ini merupakan sesuatu yang umum kerana dalam cara menyuntik elemen kelakar dalam komik, unsur humor bahasa diserlahkan dalam gaya bercerita dan secara tidak formal.

Kajian mendapati ragam bahasa jenaka mendominasi medium komik dengan iringan ragam-ragam bahasa lain, antaranya ragam bahasa ironi, ragam bahasa kiasan dan ragam bahasa menggiat. Kewujudan pelbagai ragam bahasa dalam komik ini menampakkan bahawa komik berperanan besar dalam menghiburkan pembaca, dan dalam masa yang sama mendukung amanah sosial dengan menerapkan mesej dan pengajaran yang sarat kepada pembacanya. Bahasa dalam komik juga menampakkan kewujudan dan penerapan nilai perpaduan kepada pembaca.

Dalam hal ini, bahasa yang digunakan oleh kartunis mempunyai makna dan maklumat yang mendalam lantaran matlamat mereka turut berfokus kepada satu-satu isu tertentu yang lazimnya sinonim dalam masyarakat. Pelontaran mesej menggunakan bahasa humor, iaitu menerusi dialog dan gambaran kartun dilihat berupaya menerapkan nilai perpaduan dan kebersamaan, seperti yang ditekankan dalam konsep 1Malaysia. Pengutaraan mesej melalui bahasa komik oleh pengkarya juga menampakkan wujud usaha memupuk semangat bersatu padu dan mencintai tanah air serta kesedaran menghormati dan menghargai negara menerusi pengajaran dalam ragam bahasa yang digunakan.

Memandangkan kajian ini hanya mengambil dua majalah sebagai sumber data, iaitu majalah *UJANG* dan majalah komik *UPIN & IPIN*, maka wujud variasi penggunaan bahasa yang berbeza lantaran sasaran khalayak pembacanya juga berbeza. Variasi yang dimaksudkan ini menjurus kepada pemilihan perkataan dan ragam bahasanya. Secara khusus, bahasa yang digunakan dalam majalah *UJANG* didapati lebih sesuai untuk golongan remaja atau awal dewasa kerana ragam bahasa yang wujud mengandungi unsur-unsur sindiran serta kiasan, serta memerlukan tingkat pemahaman tertentu. Penggunaan bahasa dalam *UPIN & IPIN* lebih bersesuaian untuk pembaca dalam kalangan kanak-kanak kerana penggunaan bahasa yang lebih ringkas dan agak langsung.

Watak kartun dalam kedua-dua majalah ini juga menggunakan watak-watak yang bersifat 1Malaysia, iaitu menampilkan kaum Melayu, Cina, India dan Singh. Fenomena ini secara tidak langsung memperlihatkan elemen integrasi budaya. Pemilihan watak yang pelbagai ini mampu mengangkat rasa dihargai oleh pembaca bukan Melayu kerana penglibatan

mereka, walaupun secara tidak langsung. Objektif kedua-dua komik ini adalah sama, iaitu untuk menghiburkan khalayak pembaca menerusi humor bahasa, sekali gus menyelit bingkisan berkaitan isu-isu semasa. Ragam bahasa yang ditemui dalam komik kajian ini diperlihatkan seperti dalam bahagian seterusnya.

Analisis Enam Dapatan Jenis Ragam Bahasa Komik dan Perbincangan

Ragam Bahasa Jenaka

Merujuk takrifan Asmah (2008) berkenaan ragam bahasa yang mengandungi humor atau jenaka, ragam ini misalnya mengandungi unsur bahasa, antaranya penggunaan dialek, penggunaan pelat bahasa asing, penggunaan kata atau ungkapan asing, penggunaan bahasa kiasan, dan penggunaan pantun jenaka. Daripada komik *UPIN & IPIN* yang dikaji, unsur-unsur ini banyak ditemui dan mewujudkan unsur-unsur kelucuan kepada pembaca. Misalnya melalui dialog berikut:

1. Mail: Hei Devi, sejak bila kau berbaik-baik dengan Mei-Mei?
Mei-Mei: *Haiya...Lu tak tahu ka? Dia selalu main masak-masak dengan saya ma.*
2. Devi: Hei, kan haritu cikgu ada cakap! Kamu *tarak* dengar?
3. Tok Dalang: Tak lama lagi kan Hari Kebangsaan. Kita kenalah tunjukkan semangat patriotik!
Ipin: Tapi tok... kan senang kalau gantung bendera.
Tok Dalang: Ha, tiap-tiap tahun Atuk gantung. Tiap-tiap tahun juga hilang.
Jarjit: *Dua tiga Jalur Gemilang. Kesian atuk ... Malang.*
4. Jarjit: *Dua tiga tak dapat main, Sekali main terus menang! Hohoho!*

Dalam data pertama dan kedua di atas, penggunaan pelat bahasa asing melibatkan watak kanak-kanak Cina, Mei-Mei, dan kanak-kanak perempuan India, Devi, sementara dalam data ketiga dan keempat, terdapat penggunaan

pantun jenaka oleh watak Jarjit. Sementara dalam data-data berikut yang diambil daripada komik *UJANG* pula menampakkan penggunaan unsur kependekan dan dialek Melayu bahagian selatan Malaysia seperti perkataan *takde*, *korang* dan *diorang* yang menyamai bahasa lisan dalam perbualan sebenar.

5. Cara memupuk semangat patriotik dalam kalangan anak-anak;
 - i. Setiap hari lepas solat subuh sebelum pergi kerja atau anak-anak pergi sekolah buat perhimpunan kecil keluarga. Suruh *diorang* lafazkan Rukun Negara serta nyanyikan lagu kebangsaan 'Negaraku.'
 - ii. Gantung bendera Malaysia dan bendera negeri tempat *korang* tinggal di depan rumah, kereta, motosikal atau basikal.

6. Bagaimana menambahkan kemeriahan di hari merdeka?
 - i. Pakaikan anak-anak *korang* dengan pakaian seragam tentera sepanjang hari untuk memupuk semangat patriotik.
 - ii. Jangan siarkan rancangan lain di TV yang *takde* kena mengena dengan semangat patriotik dan kemerdekaan.

Daripada data-data tersebut, kartunis memasukkan unsur-unsur murni melibatkan teras-teras perpaduan seperti yang tergaris dalam konsep 1Malaysia. Pembaca secara khusus ditekankan dengan aspek penerimaan dan pengamalan prinsip-prinsip kenegaraan berasaskan Rukun Negara. Hal ini kerana elemen-elemen patriotik dan integrasi kaum difokuskan dengan matlamat mendekati pembaca dengan kepentingan penerimaan serta penghayatan Rukun Negara, seterusnya menanam semangat patriotik. Pada masa yang sama, nilai aspirasi kesetiaan, iaitu dengan memupuk rasa sayang dan setia kepada negara dan tanah air disemai menerusi dialog watak-watak kartun tersebut untuk tatapan pembaca.

Ragam Bahasa Berulang

Ragam bahasa jenis ini menonjolkan unsur perulangan perkataan, ayat atau cabang ayat dua tiga kali dengan tujuan ingin menguatkan maksudnya (Zainal Abidin, 2002:218).

7. Opah: Terima kasih... Sayang cucu Opah.
Kak Ros: Dengar tu. Opah *sayang* kita. Jadi, dengar cakap Opah. Jangan nakal-nakal. Orang yang *sayang* mak dia, Tuhan akan *sayang*... kita kan ada Opah, kita kenalah *sayang* juga pada Opah.
Upin: Jadi Tuhan sayang kitalah...Sebab kita sayang Opah.
Opah: Betul, betul, betul...

Dalam contoh dialog tersebut, ditemui ragam bahasa berulang dengan penegasan unsur kasih sayang dalam hubungan kekeluargaan. Ragam bahasa yang digunakan ini menampakkan kepentingan penerapan rasa kasih-mengasahi dan menghormati orang yang lebih berusia, tidak kira ibu bapa mahupun orang lain. Perkataan *sayang* dan pengulangan lexis tersebut memaparkan terdapat gaya perujukan dan menunjukkan bahawa unsur tersebut amat penting dan menjadi asas kepada sesebuah perhubungan. Daripada pemupukan perasaan ini, wujud elemen menghormati dan berbudi bahasa dalam pergaulan. Secara tidak langsung, teras perpaduan yang menekankan nilai-nilai murni dalam konsep 1Malaysia dapat diterapkan dalam kalangan pembaca cilik.

Selain itu, pengulangan kata *betul* yang sangat sinonim dalam komik ini juga memperlihatkan gaya penegasan dan menguatkan tujuan kata-kata yang diungkapkan oleh watak-watak sebelumnya. Gaya pengulangan lexis dalam dialog (teks) seperti ini juga berupaya membantu menimbulkan kesan-kesan tertentu, khususnya yang berkaitan dengan fokus perbualan watak terhadap pemikiran serta tingkah laku pembaca.

Ragam Bahasa Menggiat

Ragam bahasa ini dinyatakan sebagai bahasa yang seakan-akan sindiran tetapi tiada kiasan, dengan maksud hanya ingin mengusik. Maksud ragam ini ada kalanya bertujuan bersenda-gurau dan kadangkala bersungguh-sungguh sehingga menimbulkan rasa malu terhadap individu yang ditujukan (Zainal Abidin, 2002:212).

Dalam pendefinisian ini, ditemui ragam bahasa menggiat dalam komik *UPIN & IPIN*. Misalnya menerusi dialog watak Upin dan Ipin dalam data-data berikut yang sekadar ingin mengusik individu yang ditujukan bagi menimbulkan suasana mesra.

8. Kak Ros: Nak pasang pun buat apa? Siapa nak telefon kau?
Ipin: Peminat!
Kak Ros: Perasan!
Upin: *Ala... Nanti boleh Akak gayut dengan Abg Mud...*
hahahahhaa

9. Upin: Kau buat apa Ehsan?
Ehsan: Aku tengah sedap ma.. ermm. Aku tengah seronok tolong kakak aku buat kek ni.
Ipin: *Kau tolong buat ke, tolong makan...*
Ehsan: Eh! Mana ada...
Upin & Ipin: tu...

Ragam Bahasa Bertimbal

Zainal Abidin (2002:219) menyatakan bahawa bahasa bertimbal merupakan ragam yang menghadapkan dua fikiran pendek dekat-dekat seolah-olah bertentangan, baik kedua-duanya itu berlainan atau berlawanan betul. Dalam penelitian komik yang dipilih, ragam bahasa ini ditemui dalam komik *UJANG* dan pemaparan data dapat dilihat seperti yang berikut;

10. *Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.* Bergaduh jadi bodoh, berlawak reraimai gelak.

Contoh tersebut menunjukkan pemikiran yang dihadapkan secara berurutan dengan perbandingan agar memudahkan pemahaman pembaca. Dalam ayat pertama, kartunis memasukkan pemikiran berkait dengan perpaduan dan keteguhan sebuah masyarakat sekiranya mereka bersatu padu, dan jika perkara sebaliknya terjadi, maka akan runtuhlah kesatuan yang telah dibina. Ragam bahasa ayat pertama ini telah diluaskan apabila kartunis bijak mewujudkan perbandingan susulan. Daripada ragam bahasa bertimbal ini timbul juga unsur bahasa sinis yang ditujukan kepada segelintir masyarakat umum yang dasarnya tidak menghargai perpaduan dan keharmonian kaum sehingga sanggup menyetepikan keamanan dan kestabilan negara kerana matlamat dan kepentingan peribadi.

Ragam Bahasa Ironi atau Sindiran

Ragam bahasa ironi yang terselit dalam komik juga dilihat menyentuh isu-isu sosial. Melalui lukisan kartun dalam komik, watak memainkan bahasa yang mengandung unsur satira dan jenaka untuk menimbulkan kelucuan. Isu sosial semasa berkaitan kemasyarakatan juga diangkat sebagai persoalan utama. Misalnya, menerusi contoh yang dikutip menerusi komik *UJANG* yang berikut:

11. Alkisah sebelum merdeka dan selepas merdeka;

Jalan raya

Sebelum merdeka - Jalan raya masih tanah merah di kampung-kampung dan jalan berturap cuma terdapat di bandar-bandar. Jalan juga masih lengang dengan kenderaan.

Selepas merdeka - *Bukan kata jalan berturap tar, jalan bersimpang-siur, 'highway all the way' dan sekarang jalan bertingkat-tingkat. Namun jalan yang semakin luas pun masih bersesak-sesak.*

Menerusi data tersebut, mesej yang ingin disampaikan menjerus kepada kesedaran umum tentang pentingnya menghargai erti kemerdekaan melalui perbandingan yang dilakukan. Perbandingan era sebelum merdeka dan selepas merdeka ditonjolkan oleh penulis agar khalayak pembaca menyedari hakikat pembangunan hasil usaha kerajaan, dan dalam masa yang sama menikmati pembangunan serta melestarikannya. Mesej yang terkandung bersalut unsur-unsur jenaka untuk menyampaikan kritikan sosial berkait dengan masalah pengangkutan.

Sungguhpun terdapat sindiran dalam data tersebut, secara tidak langsung dipaparkan juga impak kesamarataan dan keadilan sosial daripada aspek pembangunan infrastruktur negara yang dibangunkan oleh kerajaan. Elemen ini secara implisit menunjukkan bahawa semua rakyat menikmati kekayaan dan pembangunan negara tanpa ada pihak atau kaum yang terpinggir. Ia sejajar dengan penekanan dalam konsep 1Malaysia. Ragam bahasa ironi ini bertujuan memberikan kesedaran dan mesej yang sarat kepada pembaca. Misalnya, melalui humor bahasa yang digunakan dalam komik *UJANG* yang berikut:

12. Apa yang hilang selepas merdeka;
Semangat – semangat nak memerdekakan negara dan semangat nak memimpin negara sendiri. *Sekarang semangat nak menjahanamkan negara dan semangat nak mengkayakan diri sendiri je.*
13. Bagaimana menambahkan kemeriahan di hari merdeka?
Ziarah kubur pahlawan atau pejuang kemerdekaan dan sedekahkan al-Fatihah. *Itu lebih afdal dari merempit di malam hari dan disusuli dengan kes buang bayi sembilan bulan akan datang.*

Dalam contoh yang pertama, ragam bahasa sindiran yang digunakan menggunakan humor bahasa kasar dengan pemilihan perkataan dan ungkapan seperti “semangat nak menjahanamkan negara dan semangat nak mengkayakan diri sendiri je.” Sindiran secara sinis ini ditujukan kepada generasi hari ini yang berkepentingan dan mempunyai kuasa, namun tidak menggunakannya dengan sebaik-baiknya. Golongan ini menggunakan jawatan dan kedudukan yang ada untuk mengaut keuntungan peribadi. Keadaan ini dibandingkan dengan sikap dan matlamat golongan terdahulu yang bermatlamat untuk membebaskan negara daripada cengkaman penjajah dan memajukan negara secara ikhlas tanpa mengharapkan sebarang balasan.

Contoh data kedua pula menyindir secara halus kalangan anak muda kini yang tidak menghargai erti kemerdekaan hasil pengorbanan pejuang terdahulu. Sebaliknya, mereka mengisi kemerdekaan dengan aktiviti tidak sihat. Sungguhpun ragam bahasa tersebut bersifat sindiran, namun mesej dan nilai murni yang ingin disampaikan kepada pembaca amat jelas. Penekanan mesej ini turut terkandung dalam konsep 1Malaysia yang mengajak semua rakyat kembali kepada Prinsip Kenegaraan yang berasaskan Rukun Negara. Hal ini demikian kerana berlandaskan prinsip Rukun Negara yang pertama dan kelima, rakyat secara keseluruhan diseru berpegang teguh kepada agama dan mengamalkan budaya sopan dan bersusila dalam pergaulan serta bertingkah laku. Ternyata garapan tulisan ini menjadi ranah bermanfaat dalam menyemai unsur-unsur positif dalam kalangan pembaca.

Ragam Bahasa Kiasan

Ragam bahasa kiasan turut digunakan semasa menghasilkan kartun dalam komik. Seperti dinyatakan oleh Asmah (2008), bahasa kiasan berupaya menimbulkan humor dan mendapat tempat dalam penulisan jenis tersebut.

Walau bagaimanapun, berdasarkan data yang ditemui dalam komik *UJANG*, matlamat sebenar kartunis bukanlah semata-mata menimbulkan humor atau menimbulkan kelucuan apabila isu sosial menyentuh hal hubungan kekeluargaan diperkatakan. Hal ini demikian kerana kiasan melalui perbandingan yang merujuk perkara tertentu lebih menjurus kepada penekanan mesej dan kritikan sosial yang berat dan perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak. Contohnya:

14. Apa yang hilang selepas merdeka;
Budi bahasa dan sopan santun – dulu kalau berjumpa mereka akan berpeluk cium kerana bersyukur dipanjangkan umur dan dapat berjumpa dengan kawan-kawan, *sekarang anak dan ibu bapa kita sendiri pun kita buang macam buang sampah.*

Contoh ragam bahasa kiasan tersebut menunjukkan bahawa sesetengah masyarakat zaman sekarang tidak lagi menghormati dan menghargai hubungan antara keluarga, terutamanya melibatkan ibu bapa dengan anak-anak berbanding pada zaman sebelum merdeka. Lontaran mesej dapat diteliti menerusi kiasan langsung yang digunakan.

Perbandingan “macam buang sampah” yang dikiaskan kepada ibu bapa memaparkan bahawa mereka tidak lagi bernilai sehingga layak dibuang begitu sahaja kerana tidak lagi diperlukan, dan tidak wujud lagi perasaan sayangkan orang tua yang telah banyak berkorban untuk membesarkan anak-anak. Mesej utama kartunis ialah menyedarkan golongan muda hari ini tentang kepentingan menghargai dan mengenang jasa ibu bapa, dengan berbuat baik dan menjaga mereka apabila telah berusia. Selain itu, diselitkan juga nilai-nilai murni seperti menghormati, rendah hati dan berbudi bahasa sesama kaum seperti yang terkandung dalam konsep 1Malaysia.

Menerusi komik *UJANG* yang dikaji, ditemui juga ragam bahasa kiasan yang menggunakan kata bandingan “umpama” seperti dalam contoh berikut. Data seterusnya pula dikutip daripada komik *UPIN & IPIN*, yang juga mengandungi unsur kiasan.

15. A: Kira Abang Atan ni ilmu penuh di dada la.
B: Ye, ilmu abang dalam arena gitar ni *umpama air di lautan banyaknya*. Cheewah!
A: Kalau macam tu abang mainkan satu lagu untuk saya. Lagu ini sangatlah glamor.
B: Apa tajuk lagu tu, biar abang mainkan.
A: Lagu Negaraku.
B: Er... err, tak boleh la. Gitar ni putus talinya...aa...aa...aaa...
16. Upin: Haaa... Dah cantik kubur Mak.
Ipin: Cantik, cantik, cantik...
Upin: Apa lagi kak?
Kak Ros: Eh? Tak kan tak nak bagi *hadiah* pada Mak?
Upin: Hadiah?
Kak Ros: Kita hadiahkanlah Al-Fatihah...doakan Mak supaya ditempatkan di antara orang-orang yang beriman.

Melalui contoh pertama yang ditunjukkan, ragam bahasa kiasan tersebut menggunakan kata “umpama,” iaitu menunjukkan perbandingan sesuatu hal atau perkara dengan sesuatu benda. Dengan perkataan lain, penulis memberi kiasan sesuatu yang dimaksudkan dengan benda lain. Perbandingan yang dibuat merupakan perbandingan yang nyata dengan menggunakan kata bandingan dan disebut perumpamaan. Dalam contoh tersebut, ilmu, iaitu kemahiran bermain gitar dikiaskan dengan air lautan, iaitu dengan tujuan untuk menunjukkan betapa luasnya ilmu yang dimiliki sehingga menyamai banyaknya air di lautan yang luas dan dalam.

Dalam contoh kedua pula, kiasan yang dimaksudkan melibatkan perkataan “hadiah.” Hadiah yang dimaksudkan bukanlah sesuatu yang berupa kebendaan, sebaliknya merupakan sedekah ayat al-Quran, ditujukan kepada individu yang telah meninggal dunia. Penggunaan kiasan kata jenis ini menampakkkan kehalusan daripada segi pemilihan dan penggunaan bahasa. Penggunaan bahasa kiasan daripada segi makna dan penyampaian maksud

seperti ini menerbitkan kesan yang lebih mendalam dengan bahasa yang menarik, berbanding dengan bahasa yang bersifat literal atau harfiah.

RUMUSAN

Ragam bahasa yang wujud dalam komik asasnya merujuk kepada ragam bahasa bebas yang berada di luar lingkungan formal. Selain itu, bahasa dalam komik yang dikaji memiliki nilai identiti kaum menerusi penggunaan slanga daerah dan slanga etnik. Sungguhpun demikian, bahasa dalam komik masih mementingkan rasa peka terhadap isu-isu yang sensitif dan tabu dalam masyarakat pelbagai bangsa dan kumpulan etnik di Malaysia. Dalam pengutaraan unsur kelucuan dan kejenakaan melalui komik, kartunis secara bijak mengasosiasi persekitaran dengan dunia kartun dan melahirkan humor yang mengandungi mesej dan kritikan sosial untuk kesedaran pembaca menerusi ragam bahasa yang digunakan. Garapan yang memerlukan penelitian khusus berkenaan matlamat sebenar komik, iaitu humor dan mesej “berisi” menuntut golongan kartunis yang arif dan sensitif dalam menggarap hasil karya mereka.

Dalam menerapkan nilai murni dan pengajaran kepada pembaca, ragam bahasa jenaka, di samping ragam bahasa lain yang bermaksud menguatkan pemahaman dan meningkatkan daya fikir serta akal budi pembaca diintegrasikan agar memberi kesan yang optimum kepada pembaca. Ini adalah satu usaha kartunis dan penggiat komik tempatan menggunakan saluran ini untuk menyebarkan mesej terhadap golongan pembaca pada tahap rendah dan pertengahan. Walaupun pada asasnya medium komik merupakan satu bentuk hiburan, ia juga mempunyai tugas membudayakan nilai perpaduan dan memupuk nilai-nilai murni kepada pembaca.

Usaha kartunis dan penerbit media kreatif juga seharusnya disokong oleh pihak kerajaan. Bahan-bahan komik yang bermutu sewajarnya diterbitkan dengan lebih giat untuk mendedahkan pembaca muda tentang budaya berbahasa, isu-isu semasa dan topik-topik relevan yang lain dalam gaya yang sederhana dan mudah dicerna oleh minda mereka. Menerusi medium ini, bukan sahaja elemen perpaduan dan nilai-nilai murni dalam konsep 1Malaysia dapat disebar, malah tabiat membaca dalam kalangan kanak-kanak dan generasi muda dapat dipupuk dan ditingkatkan. Langkah kerajaan menerusi Kementerian Penerangan, Komunikasi dan

Kebudayaan melancarkan penerbitan majalah komik *UPIN & IPIN* pada tahun 2009 misalnya membuktikan bahawa kerajaan mengambil serius aspek pendidikan berterusan dan berusaha menanam semangat serta minat membaca dalam golongan ini. Dalam konteks ini, komik tersebut dipilih lantaran kandungannya yang menepati keperluan rohani kelompok kanak-kanak, selain watak-wataknya yang pelbagai, menarik dan turut membawa imej konsep 1Malaysia.

Keseluruhannya, langkah menyuburkan integrasi etnik perlu diperkasa melalui pelbagai cara, dan salah satu adalah menerusi bahasa. Sebagai alat perpaduan, bahasa perlu digunakan dengan bijaksana. Jika tidak kena dengan ragam, gaya dan caranya, bahasa sememangnya boleh menimbulkan konflik. Maka, penggunaan bahasa yang tepat dan sesuai dengan ranahnya perlu dititikberatkan oleh semua individu agar keharmonian antara kaum dapat dilestarikan.

RUJUKAN

- A. Aziz Deraman. 2009. Perpaduan melalui bahasa kebangsaan. <http://www.itnm.com.my/news> (dicapai 16 Jun 2011).
- Asmah Haji Omar. 2008. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buletin Perangkaan Bulanan*. September 2006. Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sarawak.
- Kamus Dewan edisi keempat*. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majalah komik Upin & Ipin*. 2010. Selangor: NYLA Sdn Bhd.
- Majalah lawak antarabangsa UJANG*. 2010. Selangor: MOY Publications Sdn Bhd.
- Nik Safiah Karim. 1992. *Beberapa persoalan sosiolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. 2006. *Humor sebagai unsur bahasa dalam kartun*. Dewan Bahasa (Jilid 6, Bil. 4:12–16). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Saniah Abu Bakar. 2008. *Gaya bahasa karikatur Nudin*. Dewan Bahasa (Jilid 8, Bil. 7:20–22). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lim Swee Tin. 2006. *Bahasa Kumor: Kata atau situasi?* Dewan Bahasa (Jilid 6, Bil. 4:18–21). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad. 2002. *Ilmu mengarang Melayu (Edisi Ejaan Rumi Baharu)*. Terjemahan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.